



اوتيم تكنولوجي مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Terengganu

Info

USAHAWAN

Usahawan Pemacu Ekonomi Mapan

Edisi 30

ISSN 1823-6421

BULETIN ADALAH HAK MILIK KEKAL MASMED UiTM CAWANGAN TERENGGANU

Kepentingan Pembungkusan Barangan/Produk

Surina Nayan¹, Suhaimi Nayan².

¹Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Perlis,

²Universiti Kuala Lumpur (UniKL MSI), Kulim Kedah.

Emel: surinana@uitm.edu.my

Pembungkusan sesuatu barang atau produk memainkan peranan yang sangat penting dalam menjamin kejayaan sesuatu perniagaan. Salah satu faktor sesuatu produk dapat dijual atau dipasarkan adalah kerana pembungkusannya. Sebagai contohnya produk di bawah ini, yang mana satu akan menarik minat pelanggan? Produk dari penjual A atau B? Jawapannya sudah pastilah produk dari penjual B.



Produk dari penjual A



Produk dari penjual B

(Gambar sumber dari google)

Pembungkusan memainkan peranan penting dalam kejayaan pemasaran sesuatu produk. Berikut merupakan antara faktor yang perlu diambil kira oleh para peniaga atau pengedar produk keluaran dalam pembungkusan sesuatu barangan. Ini kerana pembungkusan yang berkesan akan;

1. Melindungi barangan

Barangan atau produk keluaran akan dilindungi dengan adanya pembungkusan yang berkesan. Serangga seperti semut atau lipas dapat dihindari dengan pembungkusan yang menepati kualiti. Selain itu barangan tidak mudah rosak dengan adanya pembungkusan yang teliti dan bermutu.

2. Memapar dan mempromosikan barangan.

Barangan yang dibungkus dengan menarik dengan sendirinya akan menarik perhatian bakal pembeli. Pembungkusan yang kontemporari yang berkualiti serta menarik akan membuat bakal pembeli tertarik untuk mengetahui lebih lanjut mengenai barangan yang dipasarkan.

3. Menarik pembeli untuk membeli atau mengenali barangan

Bakal pembeli akan teruja apabila melihat sesuatu produk atau barangan yang dibungkus dengan kemas, bersih serta berkualiti. Mereka akan lebih tertanya-tanya akan apakah barangan yang berada dalam bungkusan tersebut. Sudah menjadi lumrah manusia akan suka kepada kecantikan dan kebersihan. Maka barangan yang mempunyai cara bugkusan yang menarik serta berkualiti akan menarik minat bakal pembeli.

4. Dapat membezakan dari barangan pesaing

Cara pembungkusan barangan yang baik juga akan dapat membezakan barangan yang kita tawarkan dari pesaing. Para peniaga akan mempunyai logo, cara pembungkusan yang menggunakan bahan yang brbeza sebagai contoh plastik atau kertas yang membezakan produk atau barangan masing-masing. Barangan yang dibungkus dengan plastik lutsinar tanpa warna semestinya akan menjadi kurang menarik jika dibandingkan dengan plastik yang terdapat logo serta gambar yang memaparkan apa jenis barangan yang terdapat di dalam bungkusan tersebut.

5. Memudah urusan pengendalian barangan

Urusan pengendalian barangan akan menjadi lebih mudah lebih-lebih lagi barangan yang mudah pecah. Sekiranya barangan tidak dibungkus dengan cermat, akan terjadi kerosakan kepada barangan tersebut akibat pembungkusan yang tidak menepati kualiti yang ditetapkan.

6. Meningkatkan tabiat membeli

Warna pembungkusan barangan juga akan menarik pelanggan. Kotak yang berwarna warni atau plastik yang lutsinar bersama stiker berwarna warni akan menarik perhatian bakal pelanggan. Umum mengetahui bahawa manusia suka kepada kecantikan dan kekemasan.

7. Meningkatkan pengiktirafan jenama

Pelanggan akan sentiasa mengingati jenama yang mereka suka. Dengan sebab itulah para peniaga akan mencuba sedaya upaya mengekalkan cara pembungkusan unik mereka. Ini adalah kerana, setiap perubahan kepada pembungkusan mungkin akan mengurangkan pelanggan dalam membeli produk keluaran mereka.

8. Bertindak sebagai alat pemasaran barangan

Pembungkusan yang menarik juga bertindak sebagai ejen pemasaran. Selalunya para peniaga akan mencari idea bagaimana untuk menjadikan pembungkusan menarik agar mereka dapat memasarkan barangan keluaran kepada para pembeli. Terdapat banyak cara pembungkusan barangan samada menggunakan kotak kertas, plastik, kertas pembungkusan atau menggunakan bekas kotak plastik. Cara pembungkusan bergantung kepada barangan yang hendak dipasarkan. Maka, para peniaga patut cakna tentang cara yang paling terbaik dan berkesan dipilih untuk membungkus barangan dagangan mereka. Pembungkusan juga perlu mempunyai identitinya seperti warna, font tulisan yang digunakan dan bahan yang digunakan untuk membungkus. Pengguna tidak akan teragak-agak berkongsi barangan yang mereka beli di media sosial sekiranya mereka berpuas hati dengan cara pembungkusan serta barangan yang dipasarkan.

9. Ia menyampaikan/menggambarkan imej perniagaan/syarikat

Pembungkusan yang baik juga memberi gambaran imej sesuatu syarikat atau perniagaan yang mana kualiti pembungkusan selalunya dikaitkan dengan keteguhan imej sesuatu perniagaan. Selalunya perniagaan yang stabil akan melabur dari segi pembungkusan dengan memilih reka bentuk atau corak yang bersesuaian untuk memasarkan barangan keluaran mereka.

Secara kesimpulannya, pandangan pertama pengguna/pembeli memainkan peranan terhadap sikap mereka samada akan tertarik dengan barangan berdasarkan bungkusan luaran. Apabila mereka tertarik, besar kemungkinan barangan akan dibeli oleh mereka.

*merupakan pandangan peribadi penulis